Azmi bin Latif lwn Ang Seng Leong @ Ang Kim Pooi

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN SIVIL NO 12–08 TAHUN 1998
ALAUDDIN H
30 DISEMBER 1999

Tort *— Kecuaian — Kecederaan peribadi — Sama ada hakim perbicaraan telah memberikan pertimbangan sewajarnya kepada keterangan defendan dalam pembahagian liabiliti*

Ganti Rugi (Kecederaan Peribadi atau Kematian) *— Kecederaan peribadi — Perbelanjaan perubatan — Tuntutan untuk perbelanjaan perubatan di hospital swasta — Sama ada tuntutan munasabah — Sama ada plaintif sepatutnya hanya dibenarkan $^1/_3$ daripada perbelanjaan perubatan di hospital swasta*

Ganti Rugi (Kecederaan Peribadi atau Kematian) *— Kecederaan peribadi — Kehilangan pendapatan — Plaintif menjalankan perniagaan beliau tanpa lesen — Sama ada tuntutan untuk pendapatan tidak sah di sisi undang-undang patut dibenarkan*

Plaintif telah dilanggar oleh van yang dipandu oleh defendan semasa plaintif sedang berjalan kaki di tepi jalan. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') mendapati defendan 70% cuai dan memerintahkan defendan membayar kepada plaintif gantirugi am sebanyak RM27,650 dan ganti rugi khas sebanyak RM15,483.48. Defendan merayu terhadap tanggungan (liabiliti) dan ganti rugi khas. Mengenai liabiliti defendan berhujah bahawa HMS tidak langsung memberi pertimbangan kepada keterangan defendan tetapi memberi sepenuh perhatian kepada keterangan plaintif semata-mata. Mengenai ganti rugi khas, defendan berhujah bahawa tindakan plaintif keluar daripada hospital kerajaan dan mendapat rawatan di hospital swasta adalah tidak munasabah dan plaintif sepatutnya hanya dibenarkan $^1/_3$ sahaja perbelanjaan rawatan di hospital swasta. Defendan juga berhujah bahawa plaintif tidak sepatutnya diberi apa-apa ganti rugi kehilangan mata pencarian kerana plaintif menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Mengenai isu liabiliti, mahkamah mendapati bahawa HMS telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada versi kedua-dua pihak (lihat ms 450B–C). Berdasarkan keterangan yang ada di hadapan beliau, HMS memutuskan bahawa versi plaintif adalah lebih 'probable'. Mahkamah mendapati bahawa penemuan fakta ini oleh HMS adalah wajar dan tepat (lihat ms 450F–G).

(2) Berdasarkan kepada laporan-laporan perubatan yang dikemukakan, HMS mendapati kecederaan plaintif adalah teruk dan plaintif tidak dapat dirawat atas kadar segera di hospital kerajaan. Oleh itu tindakan plaintif mendapat rawatan di hospital

swasta yang mempunyai pakar adalah tindakan munasabah dan terbaik untuknya pada ketika itu. Berhadapan dengan keadaan sedemikian adalah wajar HMS membenarkan tuntutan plaintif (lihat ms 452E–H).

(3) Prinsip yang menyatakan tuntutan hasil pendapatan haram tidak boleh dibenarkan tidak terpakai dalam kes ini di mana pendapatan menyalahi undang-undang itu boleh disahkan (lihat ms 453D–F).

[**English summary**

The plaintiff was run down by a van drivened by the defendant while the plaintiff was walking by the side of the road. The session court judge ('SCJ') found that the defendan was 70% negligent and ordered the defendan to pay general damages for the sum of RM27,650 and special damages for the sum of RM15,483.48. The defendant appealed against the liability and special damages. Regarding the liability the defendant submitted that the SCJ did not at all gave any consideration towards the defendant's evidence but had solely given full attention towards the plaintiff's evidence. Regarding the special damages, the defendant submitted that the action of the plaintif discharging from the government hospital dan getting medical treatment at a private hospital was not reasonable and the plaintiff should only be allowed $^1/_3$ of the medical treatment expenses at a private hospital. The defendant also submitted that the plaintiff should not receive any damages for loss of earning because the plaintiff ran his business without a license.

Held, dismissing the appeal:

(1) With regards to the issue of liability, the court found that the SCJ had given reasonable consideration to both versions of the parties (see p 450B–C). Based on the evidence available before him, the SCJ decided that the version of the plaintiff was more probable. The court found that this finding of fact by the SCJ was done accordingly and precise (see p 450F–G).

(2) Based on the medical reports submitted, the SCJ found that the injuries of the plaintiff was severe and the plainitff was not given treatment immediately at the government hospital. Therefore the action of the plaintiff in getting treatment at a private hospital was reasonable and for his best interest at that moment. In facing such circumstances it was reasonable for the SCJ to allow the plaintiff's claim (see p 452E–H).

(3) The principle which states that the claim for illegal income gained cannot be allowed was not applicable in this case in which the income gained illegally could be valid (see p 453D–F).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kecuaian secara am, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed 2000 Reissue) perenggan-perenggan 484–1143.

Untuk kes-kes mengenai perbelanjaan perubatan, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 14.

Untuk kes-kes mengenai kehilangan pendapatan, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 593–595.

Kes-kes yang dirujuk

Chong Chee Khong v Ng Yeow Hin [1997] MLJ 786 (dirujuk)

Chong Kam Siong v Herman bin Baharuddin [1995] 2 CLJ 413 (dirujuk)

Chua Kim Suan v Government Of Malaysia [1994] 1 MLJ 394 (dirujuk)

Fatimah bte Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor [1994] 4 CLJ 537 (dirujuk)

Kayat & Anor v Lim Yew Seng [1972] 1 MLJ 26 (dirujuk)

Nazori & Anor v Tay Lye Seng & Anor [1995] 4 CLJ 740 (dirujuk)

Veerasamy Rajendran (*Dass, Jainab & Associates*) bagi pihak perayu.
Neo Siew Leng (*NM Tiong & Co*) bagi pihak responden.

Alauddin H: Ini adalah rayuan dari pihak defendan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Alor Setar ('HMS') dalam Guaman Sivil No 53–203–96. Plaintif dalam guaman sivil ini menuntut kerugian terhadap defendan berhubung kecederaan yang dialami beliau akibat satu kecelakaan jalanraya antara beliau dan defendan.

Di akhir perbicaraan HMS memutuskan defendan bertanggungan atas kadar 70% cuai. Beliau seterusnya memerintahkan defendan membayar kepada plaintif gantirugi am sebanyak RM27,650 berserta faedah dan gantirugi khas sebanyak RM15,483.48 serta faedah dan kos.

Rayuan ini ialah terhadap tanggungan (liabiliti) dan gantirugi khas. defendan menarik balik rayuannya terhadap gantirugi am.

Fakta kes

Pada 2 Januari 1996 jam lebih kurang 6.30 pagi plaintif sedang berjalan kaki (bersenam) di tepi jalan menghala ke Sungai Limau Dalam. Lebih kurang $^1/_2$ batu beliau berjalan datang sebuah van (yang dipandu oleh defendan) dari belakang dan berlanggar dengan beliau.

Akibat dari kemalangan tersebut plaintif mengalami luka-luka, lucut sendi bahu kiri dan 'fracture of left vertebra with gross dislocation at T12/L1'.

A *Hujah defendan*

Liabiliti

Mengenai liabiliti defendan berhujah bahawa HMS tidak langsung memberi pertimbangan kepada keterangan defendan tetapi memberi
B sepenuh perhatian kepada keterangan plaintif semata-mata.

Walau bagaimanapun, defendan bersetuju beliau cuai apabila berlanggar dengan plaintif tetapi mendakwa ada 'contributory negligence' di pihak plaintif.

Seterusnya defendan berhujah bahawa HMS tersilap apabila
C memutuskan beliau memandu dengan laju kerana tidak ada sebarang bukti menyokong fakta ini.

Berdasarkan fakta kes ini, defendan menyatakan bahawa plaintif lebih bersalah kerana beliau tidak sepatutnya berjogging di atas jalanraya apatah lagi dalam keadaan cuaca berkabus. Fakta ini tidak dipertimbangkan oleh
D HMS. Sekiranya HMS memberi pertimbangan kepada fakta ini sudah tentu keputusannya mengenai liabiliti akan berlainan. Walau bagaimanapun, defendan berhujah dalam keadaan ini liabiliti atas kadar 50-50 adalah munasabah dan HMS tersilap apabila berpendapat defendan 70% cuai.

Gantirugi khas

E

(a)Kos Perubatan

Defendan mempertikaikan award sebanyak RM17,619.25 yang diberi HMS kepada plaintif sebagai kos perubatan.

F Menurut defendan tindakan plaintif keluar dari Hospital Yan dan pergi ke hospital swasta di Pulau Pinang bagi mendapat rawatan adalah tidak munasabah. Plaintif sepatutnya mendapat rawatan dari Hospital Alor Setar terlebih dahulu seperti yang dinasihatkan oleh SP2. Defendan merujuk kes *Chong Chee Khong v Ng Yeow Hin* [1997] MLJ 786.

Walaubagaimanapun, defendan berhujah adalah munasabah sekiranya
G HMS membenarkan satu pertiga sahaja perbelanjaan rawatan di Pulau Pinang.

(b)Kehilangan mata pencarian

Defendan berhujah bahawa plaintif tidak sepatutnya diberi apa-apa
H kerugian oleh kerana beliau menjual ikan tanpa lesen. Menurut defendan tuntutan yang berpunca dari satu kegiatan haram tidak boleh dibenarkan. Beliau merujuk kes *Chua Kim Suan v Government Of Malaysia* [1994] 1 MLJ 394.

I *Hujah plaintif*

Berdasarkan fakta-fakta kes ini plaintif berhujah bahawa keputusan HMS mendapati defendan 70% cuai adalah tepat dan betul. Begitu juga dengan

award gantirugi khas yang diberi HMS kepada plaintif. Ianya adalah munasabah dan wajar. Terdapat banyak nas-nas yang menyokong pendapat HMS. Plaintif seterusnya berhujah bahawa mahkamah ini tidak perlu mengganggu atau mengubah keputusan HMS.

Pendapat mahkamah

Liabiliti

Mengenai isu ini saya berpendapat HMS dengan jelasnya telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada versi kedua-dua pihak.

Merujuk ms 57 rekod rayuan, HMS menyatakan:

> Kes plaintif menunjukkan plaintif sedang berjalan kaki di kiri atas gigi jalan untuk bersenam sebab rumput basah. Masa berjalan beliau dilanggar dari belakang oleh motor van defendan.
>
> Kes defendan pula menunjukkan pada pagi itu kabus tebal. Ini mengganggu penglihatan defendan terhadap objek di hadapan di jalan tersebut. Semasa dalam perjalanan dengan tiba-tiba nampak plaintif yang sudah dekat dan terlanggarnya. Pada masa perlanggaran plaintif berada di siku bahagian laluan jalan tersebut dan tidak di gigi jalan.

Pendapat HMS tersebut di atas jelas disokong oleh keterangan plaintif di ms 46 rekod rayuan di mana beliau menyatakan:

> Masa itu saya berjalan di tepi jalan ... sebuah van C–20 datang dari belakang dan langgar saya ... semasa kemalangan saya berada di tepi kiri jalan.

Semasa disoalbalas (ms 47 rekod rayuan) plaintif dengan tegas menyatakan dia berjalan 'atas jalan tar tepi atas gigi jalan kerana bahu jalan mempunyai rumput basah.'

Berdasarkan keterangan yang ada di hadapan beliau HMS memutuskan bahawa versi plaintif adalah lebih 'probable'. Saya berpendapat penemuan fakta ini oleh HMS adalah wajar dan tepat. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa ini bukanlah kali pertama plaintif berjalan kaki di situ. Amalan ini telah beliau lakukan lebih kurang lima tahun dan tidak pernah dilanggar oleh sesiapapun. Sebagai pejalan kaki sudah tentu plaintif juga berhak menggunakan jalanraya.

HMS juga membuat satu lagi penemuan fakta apabila beliau menyatakan defendan ketika itu memandu dengan laju. Defendan menghujah bahawa tidak ada keterangan yang boleh menyokong pendapat HMS.

Merujuk ms 51 (keterangan Sjn Rodi, SP3) beliau menyatakan —

> Di tempat kejadian adalah jalan lurus. E adalah serpihan kaca dari cermin motorkar. E ada di kiri jalan menghala S-3 Sungai Limau Dalam. E adalah taburan kaca di tepi jalan sebelah kiri arah S-3 Sungai Limau Dalam Tanda D adalah tompuk-tompuk darah di atas jalan. D ke E adalah 30 meter.

Berpandukan keterangan SP3 (di atas) HMS memutuskan (lihat ms 57):

> Adalah didapati tiada keterangan untuk menunjukkan defendan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah sesuai dengan keadaan pada

masa itu untuk memandu dengan selamat. Malahan didapati daripada rajah kasar (P3 & kuncinya P3K) daripada E iaitu di tempat di mana bermulanya terdapat serpihan kaca ke D iaitu di tempat di mana terdapat tompok-tompok darah di atas jalan jarak antara D ke E adalah 30m. Sekiranya kemalangan bermula dari E dan plaintif tercampak ke D maka mahkamah melihatnya sebagai satu jarak yang jauh. Impak yang perlahan tidak mungkin menyebabkan plaintif tercampak sejauh 30m. Adalah lebih berkemungkinan bagi kelajuan yang deras menyebabkan impak yang kuat daripada kelajuan yang perlahan untuk menyebabkan impak sedemikian.

Memandu dengan laju di tempat yang memerlukan pengguna jalan tersebut memandu dengan sangat berhati-hati adalah satu tindakan yang melulu serta tidak bertanggungjawab, beliau memandu 'without due care and attention and had not been keeping a proper look-out'.

Melihat kepada keterangan yang ada saya berpendapat penemuan fakta oleh HMS mengenai kelajuan kereta defendan adalah sangat berasas.

Di dalam kes *Fatimah bte Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor* [1994] 4 CLJ 537, mahkamah menyatakan di ms 538 —

From the sketch plan, broken pieces of glass are mostly found around the centre white line and in the absence of evidence to the contrary it is always a safe guide to adopt that the point of impact is at or around the point where pieces of glass are mostly found. The defence did not produce any evidence to dispute this.

Jelas dari penghakiman kes *Fatimah* bahawa penemuan fakta oleh HMS adalah bertepatan dengan fakta kemalangan.

Pendapat HMS ini seterusnya mendapat sokongan dari kes *Kayat & Anor v Lim Yew Seng* [1972] 1 MLJ 26 di mana mahkamah menyatakan di ms 26:

There is a blood spot 4ft 2in from the left side of the road. In the absence or evidence to the contrary, the conclusion to be drawn is that this must be the spot where one of the plaintiffs must have fallen from the motocycle ... The force from the car must have caused the motocycle to be thrown to the side and one of the plaintiffs to fall on the road where the blood spot is shown in the sketch plan. I find the driver of the car wholly to blame for the accident.

HMS di dalam penghakimannya ada menyentuh soal percanggahan keterangan defendan dengan laporan polis. Sungguhpun tidak diulas secara teliti oleh HMS saya berpendapat percanggahan ini agak material dan boleh melemahkan keterangan defendan.

Defendan mengakui dalam keterangannya bahawa fakta-fakta yang diberi dalam laporan polis adalah benar. Di dalam laporan polis defendan menyatakan:

Apabila saya sampai di Kg Lembu 10 Sungai Limau Dalam saya lihat seorang lelaki sedang berjogging di sebelah kiri jalan. Apabila saya sampai dekat tiba-tiba lelaki tersebut telah masuk ke tengah sikit.

Di dalam keterangannya defendan berkata:

Bila sampai di Kampung Kubu 10 saya telah berlanggar dengan seorang yang sedang berjogging. Cuaca pagi itu kabus tebal. Kabus depan tidak nampak.

> Tiba-tiba nampak satu orang jogging sudah dekat.

Di dalam soalbalas defendan berkata:

> Tiba-tiba nampak satu orang jogging dan terus langgarnya. Laporan polis yang betul.

Dari keterangan defendan ini jelas beliau cuba mempersalahkan plaintif berhubung kemalangan ini. Sebaliknya di sini kredibiliti beliau boleh dipersoalkan.

Berdasarkan alasan-alasan tersebut di atas saya percaya keputusan HMS mengenai liabiliti adalah betul dan harus dikekalkan.

Kuantum

(a)Kos perubatan swasta

Peguam defendan memohon supaya tuntutan ini ditolak sebab mengikutnya plaintif telah dengan sendirinya keluar Hospital Yan dan pergi ke hospital swasta. Walau bagaimanapun di ms 46, Rekod Rayuan di dalam keterangannya plaintif ada menyatakan rawatan yang diterima olehnya ialah x-ray dan diberitahu tulang belakang patah. Abang dan menantunya membuat keputusan menghantarnya ke Pulau Pinang. Plaintif juga menyatakan dia tidak tahu ada pakar di Hospital Alor Setar. Beliau juga dinasihatkan oleh doktor di Hospital Yan supaya beliau cepat pergi ke Pulau Pinang, jika tidak mungkin dia tidak boleh jalan akibat kecederaannya itu.

Berdasarkan kepada laporan-laporan perubatan yang dikemukakan plaintif, HMS mendapati kecederaan plaintif adalah teruk. Seterusnya beliau berpendapat:

> Adalah didapati bagi kecederaan serius dalam keadaan kecemasan itu dan plaintif tidak dapat dirawat atas kadar segera, plaintif telah setuju dirawat di Hospital yang mempunyai pakar ... adalah satu tindakan yang tidak boleh dianggap tidak munasabah. ... mahkamah melihat tindakan plaintif adalah satu tindakan yang terbaik untuknya pada ketika itu.

Terdapat banyak kes-kes yang melaporkan bahawa bagi kecederaan yang dialami plaintif mangsanya menjadi lumpuh dan ramai yang terpaksa mengguna kerusi roda sepanjang hayat mereka. Dalam kes ini plaintif terselamat daripada keadaan tersebut kerana beliau bertindak segera.

Berhadapan dengan keadaan sedemikian adalah wajar HMS membenarkan tuntutan ini. Saya rasa beliau tidak tersilap dengan keputusannya. Award sebanyak RM17,619.25 di bawah tuntutan ini adalah munasabah dan disokong oleh keterangan, malah keputusan HMS disokong oleh kes *Chong Kam Siong v Herman bin Baharuddin* [1995] 2 CLJ 413 di mana diputuskan di ms 414:

> The yardstick to determine whether a claimant was entitled to medical expenses expended by him in a private hospital of his choice rather than seeking treatment from a government hospital where it is practically free, is not on whether the government hospital at that material time could or could

A not provide adequate care and attention to him. It is most unfair for this court to determine which hospital is more efficient. In the court's opinion any ordinary citizen of this country has a right to choose medical treatment for his injuries and illness from whoever and from wherever. The only limitations to this freedom are economic and availability factors. Accordingly, the plaintiff in this case, is entitled to seek medical treatment other than in a government B hospital.

Berpandukan penghakiman di atas saya juga berpendapat plaintif dalam kes ini layak mendapat rawatan di hospital Pulau Pinang dan layak menerima tuntutannya.

C (b)Kehilangan mata pencarian

Peguam perayu berpendapat oleh kerana plaintif tidak mempunyai lesen untuk menjual ikan maka pendapatannya sebagai penjual ikan adalah 'illegal earnings' dan tidak berhak untuk mendapat gantirugi.

Pendapat HMS dalam hal ini adalah seperti berikut:

D Mahkamah mendapati menjual ikan tanpa lesen walaupun merupakan satu kesalahan bukanlah satu kesalahan yang tidak dapat disahkan misalnya seperti memandu teksi haram.

Pendapat HMS ini mendapat sokongan dari kes *Nazori & Anor v Tay Lye Seng & Anor* [1995] 4 CLJ 740 di mana diputuskan bahawa prinsip dalam E kes *Chua Kim Suan* [1994] 1 MLJ 394 yang menyatakan tuntutan dari hasil pendapatan haram tidak boleh dibenarkan tidak terpakai dalam kes ini sekiranya pendapatan menyalahi undang-undang boleh disahkan.

YA hakim dalam kes *Nazori* (di atas) menyatakan (di ms 744) —

F In the circumstances I am of the view that the illegality was capable of being legitimized and this was shown by the first plaintiff. On the basis that the maxim ex turpi causa non oritur actio has a limited application in tort, therefore the fact that the first plaintif was involved in some wrongdoing through no fault of his does not of itself provide the defendant with a good defence in tort. It cannot be said on the given facts that the first plaintiff was knowingly breaking the law as he was given the expectation by his employer G that a work permit would be obtained for him. I would accordingly rule that the defendants failed on this issue.

Justeru itu perkiraan HMS berdasarkan formula RM750 x 6 adalah sesuai dan munasabah.

H *Keputusan*

Berdasarkan alasan-alasan tersebut di atas rayuan defendan ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak.

I Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar